



# KERATAN AKHBAR



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA  
NO. 20 JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA

Harian Metro | Rabu 11.10.2023

@hmetrom

BILANGAN MUALAF SEMAKIN BERTAMBAH

## Kental jiwa Islam

Oleh Redzuan  
Muharam  
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Bangi

**B**ilangan muafaf di Malaysia semakin bertambah dan ia perkembangan positif yang perlu dipastikan berterusan serta tidak terhenti.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, fenomena itu (pertambahan bilangan muafaf) itu adalah disebabkan

oleh keindahan Islam dan usaha penerangan berkaitan Islam dari semasa ke semasa yang dibuat pelbagai pihak menggunakan manhaj berkualiti dalam memastikan agama Islam terus berkembang.

"Tahniah dan syabas kepada tuan dan puan yang terus kental jiwa dengan Islam dan semoga berterusan istiqamah bagi meningkatkan usaha untuk menjadi mukalaf terbaik serta mampu memenuhi tuntutan agama selepas melalui fasa muafaf dari semasa ke semasa.

"Apa khabar pula mereka yang direkodkan memeluk Islam di luar sana dan adakah mereka sama seperti tuan dan puan di dalam dewan ini atau sebaliknya?

"Ketahuilah bahawa semua muafaf sama ada yang berada dalam dewan ini mahupun yang di luar sana, sekiranya tuan dan puan memerlukan sokongan, dokongan mahupun dorongan, ada banyak pihak yang boleh membantu," katanya dalam teks ucapan

**"Sekiranya memerlukan sokongan, dokongan mahupun dorongan, ada banyak pihak yang boleh membantu"**

dibacakan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ucapan itu dibacakan sempena Konvensyen Muafaf Madani Peringkat Kebangsaan 2023 di Dewan Datuk Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia, Kampus Utama Bangi, di sini, semalam.

Program itu anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dengan kerjasama Yayasan Taqwa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Kebangsaan, Lembaga Tabung Haji dan Bank Rakyat dengan sokongan Jabatan Agama Islam Negeri (Jain), Majlis Agama Islam Negeri (Main) serta Jabatan Kemajuan Orang Asli (JakoA).

Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar

dan Ketua Pengarah JakoA Sapiah Mohd Nor.

Dalam teks ucapan sama, Anwar menyeru golongan muafaf mendapatkan bantuan Jakim, Jain, Main, pertubuhan bukan kerajaan Islam (NGO-I), pemimpin masyarakat dan banyak lagi sekiranya perlu.

Menurut Anwar, ini kerana, Islam amat memberi keutamaan dalam memastikan kebajikan muafaf terjamin sebagaimana dipertanggungjawabkan hak zakat kepada mereka.

"Insyallah tuan dan puan akan diberi bantuan yang sepatutnya.

"Kerajaan melalui Jakim bersama Jain dan Main sentiasa ingin memastikan muafaf yang ada mampu menjadi mukalaf terbaik dan ia dapat dilihat melalui penganjuran aktiviti yang bermanfaat serta dapat memberi impak terbaik kepada muafaf," katanya.

### Syor naik elaun barisan hadapan Jakim, Jain, Main

Bangi: Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyarankan elaun petugas barisan hadapan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Jabatan Agama Islam Negeri (Jain) dan Majlis Agama Islam Negeri (Main) seperti penggerak masyarakat Orang Asli, mubaligh serta guru agama dinaikkan.

Ahmad Zahid berkata, kenaikan elaun itu munasabah mengambil kira status petugas berkenaan yang berkhidmat sebagai sukarelawan, tetapi banyak membantu kerja penyebaran dakwah kepada saudara baharu.

"Elaun diberikan kepada mereka (petugas barisan hadapan) relatifnya masih rendah.

"Apa saya sarankan tadi (dalam ucapan), elaun untuk mereka ditambah kerana kerja dakwah menyantuni banyak permasalahan saudara baharu termasuk di pedalaman," katanya, semalam.



ZAHID